



STRATEGI

ANTI RASUAH ORGANISASI

JABATAN HUTAN SARAWAK

2026 - 2030



STRATEGI **ANTIRASUAH ORGANISASI**
Organization Anti-Corruption Strategy (OACS)
JABATAN HUTAN SARAWAK (JHS)
2026-2030

Diterbitkan oleh :



Jabatan Hutan Sarawak
Aras 11 -15,
Bangunan Baitul Makmur II ,
Medan Raya, Petra Jaya,
93050 Kuching Sarawak

No. Tel : 082 -495 111

No.Faks : 082 -495 200

Emel : webmaster@forestry.gov.my

Laman sesawang : www.forestry.sarawak.gov.my

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang pengedaran semula atau pengeluaran semula mana - mana bahagian atau semua bahagian kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang.

Sebarang eksploitasi kandungan adalah tujuan komersial, dengan atau tanpa kebenaran bertulis, tidak dibenarkan sama sekali.

KANDUNGAN

AKRONIM/SINGKATAN.....	1
AMANAT KEPIMPINAN PENGARAH HUTAN SARAWAK.....	3
KENYATAAN KOMITMEN KETUA UNIT INTEGRITI DAN AUDIT DALAM.....	4
RINGKASAN EKSEKUTIF.....	5
KENYATAAN KOMITMEN BEBAS RASUAH WARGA JHS.....	6
BAB 1: PENGENALAN.....	7
1.2 LATAR BELAKANG.....	8
1.2 METODOLOGI.....	10
1.3 PENDEKATAN STRATEGIK RISIKO.....	11
BAB 2 : ANALISA RASUAH DAN KESAN.....	14
2.1 ANALISIS ADUAN BERKAITAN INTEGRITI, TADBIR URUS DAN ANTI RASUAH SEPANJANG 2023–2025.....	15
2.2 KESAN RASUAH TERHADAP JABATAN HUTAN SARAWAK DAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK (PANS).....	16
2.3 KEPERLUAN PELAKSANAAN OACS JHS.....	17
BAB 3 : HALA TUJU JHS.....	18
3.1 HALA TUJU JHS : NACS 2026 –2030.....	19
3.2 NILAI BERSAMA PANS.....	20
BAB 4 : OACS JHS 2026–2030 & PELAN PERLAKSANAAN.....	22
4.1 STRATEGI ANTIRASUAH ORGANISASI (OACS) JABATAN HUTAN SARAWAK 2026–2030.....	23
STRATEGI 1: PENGURUSAN HUTAN.....	25
STRATEGI 2 : PENGUATKUASAAN ORDINAN DAN PERATURAN HUTAN.....	34
STRATEGI 3 : KEWANGAN DAN PEROLEHAN.....	38
STRATEGI 4 : SUMBER MANUSIA.....	42
BAB 5 : PEMANTAUAN, PELAPORAN, PENILAIAN & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN.....	46
5.1 PEMANTAUAN PELAKSANAAN.....	47

5.2	PELAPORAN PELAKSANAAN.....	47
5.3	PENILAIAN KEBERKESANAN.....	48
5.4	TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN.....	48
BAB 6 :	KESIMPULAN.....	49
BAB 7 :	PENGHARGAAN.....	52
LAMPIRAN.....		57

AKRONIM/SINGKATAN

CDM	<i>Collection and Distribution Center</i>
CSMU	<i>Corporate Services and Modernization Unit</i>
DF	<i>Director of Forest</i>
FCS	<i>Forest Checking Station</i>
FTG	<i>Forest Technology and Geospatial</i>
FOSCC	<i>Forest One Stop Compliance Center</i>
GMU	<i>Geopark Management Unit</i>
IAD	<i>International Affair Division</i>
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
IIAU	<i>Integrity and Internal Audit Unit</i>
JHS	<i>Jabatan Hutan Sarawak</i>
KPI	<i>Key Performance Indicator</i>
LID	<i>Licensing Division</i>
MSD	<i>Management Service Division</i>
NACS	<i>National Anti-corruption Strategy</i>
OACP	<i>Organization Anti-corruption Plan</i>
OACS	<i>Organization Anti-corruption Strategy</i>
PANS	<i>Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak</i>
PCDS	<i>Post Covid Development Strategy</i>
PDD	<i>Project and Development Division</i>
PED	<i>Preventive and Enforcement Division</i>
PHW	<i>Pejabat Hutan Wilayah</i>
PM	<i>Property Mark</i>
PMD	<i>Planning and Management Division</i>
PoRM	<i>Place of Royalty Marking</i>
QR	<i>Quick Response</i>
RDD	<i>Research and Development Division</i>
RDMD	<i>Revenue and Data Management Division</i>
SPU	<i>Strategic Planning Unit</i>
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
UNODC	<i>United Nations Office On Drugs and Crime</i>

AMANAT KEPIMPINAN PENGARAH HUTAN SARAWAK

Strategi Antirasuah Organisasi (OACS) 2026–2030 digubal sebagai satu kesinambungan strategik kepada Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021–2025, dengan penekanan kepada pengukuhan amalan terbaik (*best practices*), penambahbaikan berterusan serta pematuhan kepada piawaian tadbir urus yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. OACS 2026–2030 memberi fokus kepada pengurusan risiko rasuah yang lebih berstruktur, pengukuhan kawalan dalaman, pemantapan budaya integriti serta peningkatan kecekapan dan ketelusan dalam sistem penyampaian perkhidmatan.



OACS 2026–2030 ini dirancang selari dengan Pelan Strategik Jabatan Hutan Sarawak dan menyokong aspirasi Strategi Pembangunan Pasca Covid-19 Sarawak (PCDS 2030), khususnya dalam memperkukuh tadbir urus berintegriti, memastikan pengurusan sumber hutan yang mampan, meningkatkan daya saing negeri serta memenuhi jangkaan komuniti dan pasaran antarabangsa. Pendekatan ini secara langsung menyokong usaha Jabatan untuk mengekalkan dan memperluas pengiktirafan global, selari dengan prinsip kelestarian, pematuhan dan tadbir urus baik yang diiktiraf di peringkat dunia.

Sebagai Pengarah Hutan Sarawak, saya komited untuk memastikan OACS 2026–2030 dilaksanakan secara menyeluruh dan berimpak tinggi dengan sokongan padu daripada Pengurusan Tertinggi, seluruh warga Jabatan serta rakan strategik. Komitmen bersama ini akan memastikan Jabatan Hutan Sarawak terus kekal sebagai sebuah organisasi berintegriti tinggi, bebas rasuah, berdaya saing serta dihormati dan diiktiraf di peringkat global.

YBhg. Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad
Pengaroh Hutan Sarawak



KENYATAAN KOMITMEN KETUA UNIT INTEGRITI DAN AUDIT DALAM

Unit Integriti dan Audit Dalam Jabatan Hutan Sarawak komited sepenuhnya untuk menerajui, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan Pelan Strategi Antirasuah Organisasi (OACS) 2026–2030 sebagai kesinambungan strategik kepada kejayaan OACP 2021–2025.

Melalui pendekatan pengurusan risiko rasuah yang sistematik, pengukuhan kawalan dalaman, pemantauan berterusan serta pengendalian aduan dan pelaporan berintegriti yang telus, Unit Integriti akan memastikan pelaksanaan OACS ini berkesan, berimpak dan mampan.

Komitmen ini selaras dengan Pelan Strategik Jabatan Hutan Sarawak dan aspirasi Strategi Pembangunan Pasca COVID 2030 (PCDS) Sarawak, serta menyokong usaha Jabatan untuk mengekalkan keyakinan pihak berkepentingan dan mencapai pengiktirafan di peringkat nasional dan global melalui amalan tadbir urus berintegriti dan berstandard antarabangsa.

Abdul Wahab Bin Haji Ahmad
Ketua Unit Integriti Dan Audit Dalam

RINGKASAN EKSEKUTIF

Strategi Anti-Rasuah Organisasi (OACS) Jabatan Hutan Saawak 2026–2030 merangkumi 12 Bahagian, 5 Unit dan 8 Pejabat Hutan Wilayah. Penilaian risiko rasuah mendapati wujud risiko yang dikongsi di peringkat organisasi serta risiko khusus yang berkaitan dengan Bahagian, Unit dan Pejabat Hutan Wilayah tertentu, bergantung kepada fungsi dan tanggungjawab operasi masing-masing. Bahagian yang melaksanakan fungsi teras dikenal pasti mempunyai tahap risiko rasuah yang lebih tinggi berbanding fungsi bukan teras, berikutan penglibatan langsung dalam proses pembuatan keputusan dan penyampaian perkhidmatan utama. Risiko yang bersifat bersama (generik) telah digabungkan dan ditangani melalui langkah mitigasi secara serentak bagi memastikan keseragaman dan keberkesanan pelaksanaan kawalan.

Kesemua risiko dan tindakan mitigasi yang dikenal pasti telah disepadukan dalam satu rangka kerja Strategi Antirasuah peringkat organisasi, yang menjadi asas kepada pelaksanaan OACS JHS 2026–2030. Pendekatan bersepadu ini bertujuan untuk memperkukuh tadbir urus, meningkatkan ketelusan serta memperkasa akauntabiliti di seluruh organisasi JHS bagi memastikan integriti dibudayakan pada tahap yang optima di semua peringkat dalam organisasi.

Inisiatif yang terkandung di dalam OACP JHS 2021–2025 telah disemak semula. Terdapat inisiatif yang digugurkan, disusun semula mengikut situasi semasa jabatan dan dibawa semula ke OACS JHS 2026–2030 dengan mengambil kira segala perubahan struktur dalam jabatan (rujuk lampiran).

KENYATAAN KOMITMEN BEBAS RASUAH WARGA JHS

Pengurusan dan seluruh warga JHS komited sepenuhnya untuk menegakkan tahap integriti, ketelusan, dan etika yang tertinggi dalam semua urusan dan aktiviti organisasi.

JHS mengamalkan pendirian toleransi sifar terhadap sebarang bentuk rasuah dan penyuapan. Selaras dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Pindaan 2018), Seksyen 16, 17A, 18 dan 23, serta keperluan ISO 37001:2025 Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS), JHS dengan tegas melarang sebarang perbuatan menawarkan, memberi, meminta, menerima atau menjanjikan rasuah sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana kakitangan, pegawai, rakan strategik dan pemegang taruh (stakeholder) yang bertindak bagi pihak Organisasi.

Bagi menyokong komitmen ini, organisasi akan:

- Menubuhkan, melaksanakan, menyelenggara dan menambah baik Sistem Pengurusan Antirasuah secara berterusan;
- Menyediakan latihan dan program kesedaran berkaitan anti-rasuah dan integriti;
- Menggalakkan pelaporan sebarang perlakuan rasuah secara jujur tanpa sebarang tindakan balas;
- Mengambil tindakan tatatertib dan perundangan yang tegas terhadap sebarang pelanggaran dasar dan undang-undang anti-rasuah.

Komitmen ini terpakai kepada semua peringkat pegawai dalam JHS dan semua urusan termasuk dengan penjawat awam dan pemegang taruh yang berurusan dengan JHS. Integriti merupakan asas utama kepada kepercayaan awam, kredibiliti organisasi dan kelestarian jangka panjang.

BAB 1: PENGENALAN

1.2 LATAR BELAKANG

Sebagai komitmen berterusan terhadap pengukuhan tadbir urus, integriti dan pencegahan rasuah, Jabatan Hutan Sarawak (JHS) telah menubuhkan Unit Integriti JHS pada tahun 2018, menjadikannya antara jabatan terawal di Sarawak yang mengambil langkah proaktif menubuhkan unit khusus bagi mengurus aspek integriti dan anti-rasuah. Sejak penubuhannya, pelbagai inisiatif strategik telah dirancang dan di-aksanakan, termasuk penghantaran pegawai ke kursus *Certified Integrity Of-ficer* (CeIO) bagi memperkukuh kompetensi dan profesionalisme dalam pengurusan integriti.

Selain itu, JHS telah membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021–2025 serta Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) 2023–2025, di mana 97% daripada inisiatif yang dirancang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tempoh tersebut, mencerminkan komitmen dan keberkesanan pelaksanaan yang tinggi. Inisiatif yang tidak tercapai telah dimurnikan semula dan dirancang selari dengan perkembangan jabatan yang terkini dan dimasukkan ke dalam kerangka inisiatif OACS JHS 2026–2030 dengan tidak menjejaskan penjelasan risiko terdahulu.

Selaras dengan Strategi Pembangunan Pasca COVID 2030 (PCDS) Sarawak, JHS telah merangka Strategi Antirasuah Organisasi (OACS) 2026–2030 dan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) 2026–2028 bagi menangani isu-isu berkaitan tadbir urus, antirasuah dan integriti secara lebih menyeluruh.

Inisiatif ini dirancang selari dengan perkembangan semasa perkhidmatan awam serta keperluan dan kehendak di peringkat kebangsaan dan global, bagi memastikan JHS terus berfungsi secara telus, berintegriti dan berakauntabiliti.

Kesemua inisiatif yang telah dirancang untuk dilaksanakan adalah bagi memastikan pembudayaan integriti dalam organisasi mampan dan berterusan diamalkan.



Status Kemajuan Pelaksanaan Pelan Antirasuah organisasi (OACP) Jabatan Hutan Sarawak 2021-2025



Buku Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JHS 2021-2025



Buku Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JHS 2021-2025 :
Versi Semakan Semula Separuh Penggal

1.2 METODOLOGI


Strategi Anti Rasuah Organisasi (OACS) dibangunkan selaras dengan rangka kerja anti rasuah *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC) melalui pendekatan berasaskan risiko dan bukti bagi memperkukuh integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam keseluruhan organisasi.

OACS 2026-2030 JHS merangkumi semua unit dan bahagian organisasi, di mana setiap unit dan bahagian bertanggungjawab mengenal pasti serta mengurus risiko rasuah yang timbul daripada fungsi teras, peranan dan proses kerja utama masing-masing. Pendekatan ini memastikan pengurusan risiko rasuah dilaksanakan di peringkat operasi dengan pemilikan risiko yang jelas dan akauntabiliti yang berkesan.

Sebagai sebahagian daripada pembangunan OACS, setiap unit dan bahagian telah melaksanakan pemetaan risiko rasuah melalui analisis menyeluruh terhadap proses kerja hujung ke hujung, pengenalpastian kejadian risiko, kelemahan kawalan dalaman dan faktor pendorong risiko melalui pelaksanaan bengkel. Proses ini disokong oleh pelbagai sumber maklumat berasaskan bukti, termasuk aduan awam dan saluran pemberi maklumat, penemuan audit dalaman, penemuan audit pihak ketiga, serta rekod kes tatatertib dan salah laku.

Risiko rasuah yang dikenal pasti telah dinilai menggunakan kaedah penarafan risiko yang standard, berdasarkan tahap kebarangkalian dan impak terhadap tadbir urus, integriti kewangan, penyampaian perkhidmatan dan reputasi organisasi. Risiko kemudiannya dikategorikan kepada tahap tinggi, sederhana dan rendah bagi membolehkan keutamaan tindakan ditentukan secara berkesan.


Berdasarkan hasil penarafan risiko, risiko rasuah tahap tinggi dan sederhana telah diberi keutamaan untuk ditangani melalui pembangunan strategi mitigasi yang bersasar oleh setiap unit dan bahagian. Strategi ini merangkumi langkah pengukuhan tadbir urus, penambahbaikan kawalan dalaman, pengurangan kuasa budi bicara, peningkatan ketelusan, serta pendigitalan proses berisiko tinggi, sekiranya bersesuaian. Setiap strategi disertakan dengan pemilik risiko, tempoh pelaksanaan dan petunjuk prestasi bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dapat dipantau.



Pada masa yang sama, risiko tersendiri yang bersifat khusus kepada fungsi, lokasi operasi atau proses kerja tertentu akan turut dikenal pasti dan dinilai secara berasingan. Pendekatan ini membolehkan JHS mengurus risiko secara lebih tepat, komprehensif dan responsif terhadap keperluan operasi di peringkat strategik, taktikal dan lapangan.

OACS akan diintegrasikan ke dalam dasar, perancangan operasi dan sistem pengurusan prestasi organisasi bagi memastikan kelestarian dan pelaksanaan yang berkesan. Pemantauan berterusan, penilaian semula risiko secara berkala dan pelaporan sistematik menyokong penambahbaikan berterusan serta keupayaan organisasi untuk bertindak balas terhadap risiko rasuah yang baharu dan berubah.

Melalui penggunaan templat UNODC, pemetaan risiko yang berstruktur dan penarafan risiko yang sistematik, OACS menyediakan rangka kerja yang kukuh untuk mengurus risiko rasuah serta memupuk budaya integriti yang mampan dalam organisasi.



BENGKEL PEMBANGUNAN STRATEGI ANTIRASUAH ORGANISASI (OACS) 2026-2030 JABATAN HUTAN SARAWAK

Tarikh : 08 & 09 Mei 2025

Tempat : Raia Hotel & Convention Centre, Kuching





BAB 2 : ANALISA RASUAH DAN KESAN

2.1 ANALISIS ADUAN BERKAITAN INTEGRITI, TADBIR URUS DAN ANTI RASUAH SEPANJANG 2023–2025

Sepanjang tempoh 2023 hingga 2025, Jabatan Hutan Sarawak telah menerima sejumlah sepuluh (10) aduan yang berkaitan dengan isu integriti, tadbir urus dan anti rasuah. Kesemua aduan yang diterima telah ditangani secara teratur dan berhemah mengikut prosedur operasi standard (SOP) serta mekanisme pengurusan aduan yang telah ditetapkan.

Pengendalian aduan tersebut melibatkan proses saringan, siasatan, tindakan susulan dan pelaporan yang sewajarnya, selaras dengan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan keadilan. Tiada aduan yang diketepikan tanpa tindakan, dan setiap kes telah diberi perhatian berdasarkan tahap keseriusan serta implikasi terhadap tadbir urus Jabatan.

Analisis ini menunjukkan bahawa sistem pengurusan aduan Jabatan Hutan Sarawak berfungsi dengan berkesan serta menyokong usaha berterusan Jabatan dalam memperkukuh budaya integriti dan pencegahan rasuah sepanjang tempoh 2023–2025.

Jumlah aduan sepanjang tempoh ini menunjukkan pola yang terkawal dan stabil, selari dengan penambahbaikan berterusan yang telah dilaksanakan. Pengendalian aduan yang lebih sistematik serta tindakan pembetulan yang diambil telah menyumbang kepada peningkatan pematuhan SOP, kejelasan peranan dan pengukuhan kawalan dalaman di peringkat unit dan bahagian.



Statistik penerimaan kes aduan integriti dari tahun 2023 sehingga 2025.

2.2 KESAN RASUAH TERHADAP JABATAN HUTAN SARAWAK DAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK (PANS)

Rasuah merupakan ancaman serius terhadap kecekapan, integriti dan kelestarian JHS serta Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS). Kesan rasuah bukan sahaja menjejaskan operasi jabatan, malah memberi implikasi negatif yang berpanjangan terhadap kepercayaan awam dan budaya kerja organisasi.

i. Penurunan Kepercayaan Umum

Amalan rasuah, sama ada yang sebenar atau yang dipersepsikan, boleh menyebabkan kepercayaan masyarakat terhadap Jabatan Hutan Sarawak dan PANS menurun. Kehilangan kepercayaan ini menjejaskan legitimasi jabatan sebagai penjaga sumber hutan negeri serta mengurangkan keyakinan pihak berkepentingan terhadap ketelusan dan keadilan dalam pembuatan keputusan.

ii. Kepincangan Tadbir Urus dan Organisasi

Rasuah mengakibatkan kepincangan dalam struktur tadbir urus dan sistem kawalan dalaman. Keputusan yang sepatutnya dibuat secara profesional dan berasaskan peraturan boleh dipengaruhi oleh kepentingan peribadi, seterusnya menjejaskan kecekapan pengurusan, kualiti perkhidmatan dan pematuhan kepada undang-undang serta prosedur yang ditetapkan.

iii. Pembudayaan Amalan Kerja Toksik

Kewujudan rasuah dalam organisasi berpotensi mewujudkan persekitaran kerja yang toksik, di mana amalan tidak beretika dianggap normal, integriti dipandang remeh dan prestasi tidak lagi menjadi asas penilaian. Keadaan ini boleh melemahkan moral warga kerja, menjejaskan motivasi serta mendorong berlakunya salah laku berulang.

iv. Kesan Terhadap Prestasi dan Kelestarian Organisasi

Rasuah menghakis keupayaan organisasi untuk berfungsi secara berkesan dan mampan. Sumber kewangan dan manusia tidak diurus secara optimum, risiko perundangan meningkat, dan reputasi jabatan terjejas. Dalam jangka panjang, keadaan ini boleh menjejaskan matlamat strategik Jabatan Hutan Sarawak serta imej keseluruhan PANS sebagai institusi perkhidmatan awam yang berintegriti.

2.3 KEPERLUAN PELAKSANAAN OACS JHS

Sehubungan itu, pelaksanaan Strategi Antirasuah Organisasi (OACS) merupakan keperluan kritikal bagi :

- memulihkan dan mengekalkan kepercayaan masyarakat dan pihak berkepentingan,
- memperkukuh sistem tadbir urus dan kawalan dalaman,
- mencegah pembudayaan amalan kerja toksik dan tidak beretika, serta
- memastikan pengurusan Jabatan Hutan Sarawak dan PANS dilaksanakan secara telus, berintegriti dan mampan.

OACS menyediakan rangka kerja berasaskan risiko yang jelas, melibatkan semua unit dan bahagian dalam mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko rasuah mengikut fungsi teras masing-masing. Pendekatan ini memastikan usaha pencegahan rasuah bukan sahaja bersifat reaktif, malah berfokus kepada pembetulan sistemik dan penambahbaikan berterusan.

BAB 3 : HALA TUJU JHS

3.1 HALA TUJU JHS : OACS 2026–2030

Sebagai langkah ke hadapan, JHS komited untuk menyokong dan melaksanakan inisiatif di bawah Strategi Antirasuah Kebangsaan (NACS) 2026–2030 melalui pendekatan yang holistik, berfokus kepada pencegahan, pengukuhan sistem dan penambahbaikan berterusan.

i. Penambahbaikan SOP Mengikut Situasi Semasa

JHS akan melaksanakan penambahbaikan dan pemantapan Prosedur Operasi Standard (SOP) secara berkala bagi memastikan ia kekal relevan, praktikal dan responsif terhadap cabaran semasa. Semakan SOP ini akan mengambil kira perubahan dasar, penemuan audit, analisis risiko rasuah serta perkembangan landskap pengurusan hutan dan perkhidmatan awam.

ii. Pendigitalan dan Penggunaan Teknologi Terkini

Seiring dengan peningkatan penggunaan teknologi, JHS akan memperluas-kan pendigitalan proses kerja sebagai langkah pencegahan rasuah yang berkesan. Pendekatan ini merangkumi:

- pengurangan interaksi bersemuka yang berisiko tinggi,
- peningkatan ketelusan melalui jejak audit digital,
- pemantauan dan pelaporan yang lebih cekap dan bersepadu.

Pendigitalan ini juga menyokong kecekapan penyampaian perkhidmatan serta memperkukuh kawalan dalaman jabatan.

iii. Penyelarasan OACS dengan Pelan Strategik JHS

Strategi Antirasuah Organisasi (OACS) JHS dirangka dan dilaksanakan selari dengan Pelan Strategik (SP) JHS, bagi memastikan usaha pencegahan rasuah menjadi sebahagian daripada agenda pengurusan dan pembangunan organisasi secara menyeluruh.

Penyelarasan ini memastikan setiap inisiatif anti rasuah:

- menyokong pencapaian matlamat strategik jabatan,
- dilaksanakan secara bersepadu oleh semua unit dan bahagian, serta
- dipantau melalui indikator prestasi yang jelas dan terukur.

Melalui pelaksanaan NACS 2026–2030, penambahbaikan SOP, pendigitalan proses serta penyelarasan OACS JHS dengan SP JHS, Jabatan Hutan Sarawak berhasrat untuk memperkukuh integriti organisasi, meningkatkan kepercayaan awam dan memastikan pengurusan sumber hutan negeri dilaksanakan secara telus, berakuntabiliti dan mampan.

3.2 NILAI BERSAMA PANS

Perkhidmatan awam memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah kerajaan. Sarawak telah memperkenalkan enam (6) Nilai Bersama bersama PANS sebagai panduan holistik untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam. Nilai-nilai ini bukan sekadar slogan, tetapi merupakan komitmen nyata yang selaras dengan Strategi Pembangunan Pasca COVID 2030 (PCDS 2030), NACS, serta keperluan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

i. Integriti : Bertindak dengan jujur, amanah, dan beretika dalam semua urusan kerja

Integriti bukan sekadar mematuhi peraturan, tetapi merangkumi kejujuran, ketelusan dan konsistensi dalam setiap tindakan. Pegawai yang berintegriti akan membuat keputusan berdasarkan fakta dan peraturan tanpa di-pengaruhi oleh kepentingan peribadi atau tekanan luar. Mereka juga berani menolak rasuah, salah guna kuasa serta mengelakkan konflik kepentingan. Dalam konteks organisasi, integriti membina kepercayaan awam dan me-mastikan tadbir urus yang baik sentiasa terpelihara.

ii. Profesionalisme : Memaparkan kecekapan, kemahiran, dan kepakaran yang tinggi dalam melaksanakan tugas

Profesionalisme mencerminkan tahap kompetensi, disiplin dan etika kerja seseorang pegawai. Ia melibatkan keupayaan melaksanakan tugas dengan cekap, tepat dan mengikut piawaian yang ditetapkan. Pegawai profesional sentiasa berusaha meningkatkan ilmu, kemahiran dan kualiti kerja melalui pembelajaran berterusan. Selain itu, mereka juga menjaga imej organisasi melalui tingkah laku yang sopan, komunikasi yang berkesan serta keupayaan membuat keputusan yang rasional dan berasaskan kepakaran.

iii. Semangat Pasukan : Bekerjasama dan saling menyokong antara satu sama lain untuk mencapai objektif bersama

Semangat pasukan menekankan kepentingan kerjasama, kepercayaan dan sokongan antara warga kerja. Dalam persekitaran kerja yang kompleks, kejayaan tidak dapat dicapai secara individu semata-mata. Oleh itu, setiap ahli perlu berkongsi maklumat, membantu rakan sekerja serta menghargai sumbangan orang lain. Budaya kerja berpasukan yang kukuh akan meningkatkan produktiviti, mengurangkan konflik dan mewujudkan suasana kerja yang harmoni serta saling menghormati.

iv. Berorientasikan Hasil : Fokus kepada pencapaian sasaran dan menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dengan cekap

Nilai ini menuntut setiap warga kerja memberi fokus kepada pencapaian output dan impak yang ditetapkan oleh organisasi. Ia bukan sekadar melaksanakan tugas, tetapi memastikan hasil kerja memenuhi kualiti, masa dan objektif yang telah ditentukan. Pegawai perlu mengutamakan kecekapan, membuat perancangan yang teliti serta memantau prestasi secara berterusan. Pendekatan ini membantu organisasi mencapai sasaran strategik dan meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

v. Baik Hati & Prihatin : Menunjukkan sikap empati, mesra, dan prihatin dalam perkhidmatan kepada pelanggan

Nilai ini menekankan aspek kemanusiaan dalam perkhidmatan awam. Pegawai digalakkan untuk menunjukkan empati, memahami keperluan pelanggan serta melayan setiap individu dengan hormat dan adil. Sikap mesra dan prihatin bukan sahaja meningkatkan kepuasan pelanggan, malah memperkukuh hubungan antara organisasi dengan masyarakat. Dalam masa yang sama, nilai ini turut melibatkan keprihatinan terhadap kebajikan rakan sekerja dan persekitaran kerja.

vi. Sikap Kesegeraan & Semangat Sepunya : Bertindak pantas (proaktif) dan rasa bertanggungjawab seperti pemilik terhadap tugas

Nilai ini menggabungkan tindakan pantas (*sense of urgency*) dengan rasa tanggungjawab dan pemilikan (*ownership*) terhadap tugas. Pegawai yang mengamalkan nilai ini tidak menunggu arahan semata-mata, tetapi bertindak secara proaktif dalam menyelesaikan masalah dan melaksanakan tugas. Mereka menganggap setiap amanah sebagai tanggungjawab peribadi dan berusaha memastikan hasil kerja mencapai tahap terbaik. Sikap ini penting untuk meningkatkan kecekapan organisasi serta memastikan perkhidmatan disampaikan dengan cepat dan responsif.

**BAB 4 :
OACS
JHS 2026-2030
& PELAN
PERLAKSANAAN**

4.1 STRATEGI ANTIRASUAH ORGANISASI (OACS) JABATAN HUTAN SARAWAK 2026–2030

Strategi Anti Rasuah Organisasi (OACS) 2026–2030 dibangunkan sebagai kesinambungan kepada Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021–2025 bagi memperkukuhkan tadbir urus, integriti dan akauntabiliti dalam pelaksanaan fungsi organisasi.

OACS ini mengekalkan **empat (4) strategi utama** seperti dalam pelan terdahulu, iaitu:

- i. Pengurusan Hutan
- ii. Penguatkuasaan Ordinan dan Peraturan Hutan
- iii. Kewangan dan Perolehan
- iv. Sumber Manusia

Pendekatan kesinambungan ini bertujuan memastikan usaha pencegahan rasuah dilaksanakan secara konsisten, sistematik dan berterusan.

Penambahbaikan dalam OACS 2026–2030 tertumpu kepada bidang pengurusan hutan, di mana skop penilaian risiko telah diperluaskan dengan memasukkan risiko operasi daripada Pejabat Wilayah Hutan. Pendekatan ini membolehkan analisis risiko dilaksanakan secara lebih menyeluruh dengan mengambil kira realiti sebenar pengurusan hutan dari peringkat penggubalan dasar sehingga pelaksanaan di lapangan.


Selain itu, strategi lain turut diperkasakan selaras dengan perubahan dalam struktur organisasi, penambahbaikan proses kerja, serta keperluan pematuhan tadbir urus semasa. Penilaian risiko juga mengambil kira perubahan terkini dalam ordinan, peraturan hutan, pekeliling serta garis panduan kerajaan dari semasa ke semasa.

Melalui pelaksanaan OACS 2026–2030, organisasi berhasrat untuk:

- Memperkukuhkan sistem kawalan dalaman dan integriti
- Mengurangkan peluang serta risiko rasuah dan salah guna kuasa
- Meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam penyampaian perkhidmatan
- Membudayakan nilai integriti dalam kalangan warga organisasi

Pelaksanaan strategi ini akan dipantau secara berterusan bagi memastikan keberkesanan, keberhasilan dan keselarasan dengan aspirasi tadbir urus baik sektor awam.

Anatomi Dokumen OACS



STRATEGI 1: PENGURUSAN HUTAN

Objektif Strategik:

**Memperkukuh ketelusan,
akauntibiliti dan pengesahan
kompetensi operasi
pengurusan hutan**



Pegawai di Pejabat Hutan Wilayah melakukan pemeriksaan kayu di lapangan (PORM/ FCS).

	Risiko	No.	Substrategi	Peneraju	Tempoh
1.1	Pegawai ditawarkan rasuah dalam proses: i. Permohonan lesen/ permit ii. Permohonan Pembaharuan lesen/ permit	1	Menambahbaik SOP berkaitan permohonan/ pembaharuan lesen	LID	2026 -2030 (5 tahun)
		2	Memberi latihan kepada pegawai berkaitan dengan SOP permohonan / pembaharuan lesen	LID	2026 (berterusan)
		3	Memastikan komitmen antirasuah ditandatangani oleh pegawai dan pemegang taruh setiap kali berurusan	LID	2026 (berterusan)
1.2	Rasuah ditawarkan kepada pegawai untuk memintas SOP dan memalsukan surat kelulusan lesen di peringkat Ibu Pejabat dan Pejabat Hutan Wilayah	4	Menggunakan jenis <i>font</i> berlainan secara berkala dan terkawal untuk surat-surat kelulusan	PMD PHW	2026 (berterusan)
		5	Menandatangani ikrar integriti	PMD PHW	2026 (berterusan)

	Risiko	No.	Substrategi	Peneraju	Tempoh
1.3	Risiko pendedahan maklumat status pengesahan kelulusan lesen tanpa kebenaran pihak atasan	6	Memastikan pergerakan fail berkaitan direkod dan ditandatangani	PMD PHW	2026 (berterusan)
1.4	Tawaran rasuah kepada pegawai lapangan bagi tujuan memalsukan laporan pemeriksaan atau tidak mengambil tindakan terhadap ketidakpatuhan oleh pemegang lesen	7	Mengadakan pemeriksaan mengejut pada bila-bila masa di lapangan oleh penyelia (dari Ibu Pejabat dan PHW)	PMD PHW	2026 (berterusan)

	Risiko	No.	Substrategi	Peneraju	Tempoh
1.5	• Pegawai Projek • Pegawai Perolehan • Pegawai Penilaian • Kontraktor / Pembekal / Vendor Jenis Kesalahan: i. Pegawai Projek membuat pembelian barangan perkhidmatan melebihi harga pasaran ii. Pegawai memberi keutamaan atau memihak kepada pembekal tertentu iii. Pegawai memanipulasi proses penilaian atau pemilihan untuk kepentingan peribadi	8	Semakan harga pasaran (<i>market survey</i>) wajib	RDD	2026 (berterusan)
		9	Kelulusan berlapis (<i>two-tier approval</i>)	RDD	2026 (berterusan)
		10	Audit dalaman berkala	RDD	2026 (berterusan)
		11	Akuan pengisytiharan konflik kepentingan	RDD IIAU	2026 (berterusan)
		12	Pusingan tugas (<i>internal job rotation</i>)	RDD	2026 -2028 (sederhana)
		13	Pemantauan oleh Jawatankuasa Perolehan	RDD	2026 (berterusan)
		14	Penilaian secara kolektif (panel)	RDD	2026 (berterusan)
		15	Sistem pemarkahan telus dan terdokumen prestasi kontraktor/vendor/ pembekal barangan/ perkhidmatan	RDD	2026 (berterusan)

	Risiko	No.	Substrategi	Peneraju	Tempoh
1.6	Kebocoran data penyelidikan dengan i. Manipulasi/ pemalsuan data penyelidikan ii. Pancingan data/ informasi oleh Pegawai Penyelidikan, kakitangan, rakan kolaborasi, perunding, pihak berkepentingan.	16	Mengadakan latihan/ kempen kesedaran integriti kepada pegawai penyelidik	RDD IIAU	2026 (berterusan)
		17	Akses terhad kepada data penyelidikan hanya kepada pegawai yang memerlukan untuk melaksanakan tugas penyelidikan	RDD	2026 (berterusan)
		18	Pegawai pengurusan pangkalan data perlu menandatangani dokumen yang mengikat dari segi undang-undang	RDD	2026 (berterusan)
		19	Penyeliaan dan pemantauan aktif dilaksanakan oleh dua (2) hingga tiga (3) orang pegawai	RDD	2026 (berterusan)

	Risiko	No.	Substrategi	Peneraju	Tempoh
1.7	Pelesen menawarkan rasuah kepada pegawai untuk tidak mengambil tindakan lanjut ke atas ketidakpatuhan <i>Trained Workmen</i> serta verifikasi proses pensijilan tenaga kerja terlatih di kawasan lesen pembalakan	20	Semakan semula terhadap SOP berkaitan mengikut keperluan semasa	CSMU	2026 (berterusan)
		21	Sistem pelaporan aktiviti pemeriksaan pematuhan <i>Trained Workmen</i> dan verifikasi proses pensijilan tenaga kerja terlatih yang jelas dan didokumenkan	CSMU	2026 (berterusan)
		22	Akuan integriti untuk semua ahli kumpulan yang terlibat dalam aktiviti pemeriksaan pematuhan dan verifikasi	CSMU	2026 (berterusan)
1.8	Maklumat mesyuarat diketahui oleh pegawai yang bukan ahli mesyuarat semasa mesyuarat pengurusan tertinggi (JKPOP) sedang berlangsung	23	Akses maklumat berdasarkan <i>need-to-know</i> sahaja dan pemantauan & log akses dokumen	SPU	2026 (berterusan)
		24	Akuan integriti untuk semua ahli dan jemputan mesyuarat	SPU	2026 (berterusan)
		25	Latihan berkala mengenai integriti & kerahsiaan maklumat kepada pegawai semua peringkat dan pemakluman arahan rasmi tentang kerahsiaan & larangan penyebaran	SPU IIAU	2026 (berterusan)

	Risiko	No.	Substrategi	Peneraju	Tempoh
1.9	Vandalisme di tapak Geopark oleh komuniti dan pihak luar	26	Program pendidikan & kesedaran komuniti dan penglibatan komuniti dalam penjagaan tapak	GMU	2026 (berterusan)
		27	Pemasangan papan tanda amaran undang-undang & bahan pendidikan	GMU	2026 (berterusan)
1.10	Kecenderungan pilih kasih (<i>favouritism</i>) dalam pemilihan rakan kongsi Geopark	28	Kriteria pemilihan rakan kongsi Geopark jelas dan terdokumen	GMU	2026 (berterusan)
		29	Panel pemilihan rakan kongsi Geopark yang bebas & berbilang ahli	GMU	2026 (berterusan)
		30	Pengisytiharan konflik kepentingan wajib oleh panel pemilihan rakan kongsi Geopark	GMU	2026 (berterusan)
1.11	Juruaudit dalaman tidak menjalankan audit secara telus dan tidak berdasarkan situasi sebenar akibat kepentingan peribadi, menerima rasuah daripada pihak yang diaudit, serta tekanan daripada pengurusan tertinggi	31	Pegawai diberi kursus <i>Understanding and Implementing (I&U)</i> untuk proses audit	IIAU	2026 (berterusan)
		32	Melantik juruaudit daripada pelbagai disiplin	IIAU	2026 (berterusan)
		33	Pengisytiharan konflik kepentingan wajib	IIAU	2026 (berterusan)
		34	Sistem pelaporan audit yang jelas dan didokumenkan	IIAU	2026 (berterusan)

	Risiko	No.	Substrategi	Peneraju	Tempoh
1.12	Pegawai bertugas di <i>Forest One Stop Compliance Center</i> (FOSCC) bersubahat akibat dirasuah oleh pihak pelesen dengan memalsukan pengisytiharan hasil hutan yang dicukai	35	Meningkatkan kompetensi dengan memberi latihan kepada pegawai RDMD dan PHW yang terlibat dengan aktiviti pemantauan rantai bekalan balak (COC)	RDMD	2026 (berterusan)
		36	Mengambil tindakan punitif terhadap pegawai yang melakukan kesalahan pelanggaran SOP	RDMD	2026 (berterusan)
1.13	Pegawai memanipulasi proses kutipan hasil di lapangan dengan melanggar proses serta prosedur kerja yang telah ditetapkan akibat menerima rasuah daripada pelesen	37	Semakan semula terhadap SOP berkaitan mengikut keperluan semasa	RDMD	2026 -2030 (5 tahun)
		38	Memberi latihan dan pengiktirafan kepada pegawai RDMD dan PHW yang terlibat dengan aktiviti pemantauan rantai bekalan balak (COC)	RDMD	2026 (berterusan)
		39	Meningkatkan kekerapan pemantauan berkala/ mengejut di sepanjang rantai aktiviti pembalakan	RDMD	2026 -2028 (3 tahun)
		40	Menambah bilangan kakitangan bertugas di lapangan bersesuaian dengan beban kerja	RDMD MSD	2026 -2030 (5 tahun)

STRATEGI 2: PENGUATKUASAAN ORDINAN DAN PERATURAN HUTAN

Objektif Strategik:

**Memperkasa dan Meningkatkan
Akauntibiliti Proses Penguatkuasaan
Ordinan dan Peraturan Hutan**



Penganjuran Program Latihan Pengendalian Senjata Api di Pulapol Kuching pada 5 dan 6 September 2024.

	Risiko	No.	Substrategi	Peneraju	Tempoh
2.1	Pegawai penguatkuasaan mengabaikan tanggungjawab dan menutup sebelah mata kawasan yang aktif dalam pembalakkan haram bagi mendapatkan habuan daripada pihak luar	1	Meneruskan usaha menubuhkan pasukan penguatkuasaan khas agensi penguatkuasaan Jabatan Hutan Sarawak	PED	2026 -2030 (5 tahun)
		2	Melengkapkan pasukan penguatkuasaan khas dengan pakaian, senjata dan peralatan perlindungan	PED	2026 -2030 (5 tahun)
		3	Ceramah Akta SPRM 2009 kepada pegawai penguatkuasaan	IIAU	2026 (Berterusan)
		4	Rondaan bersilang antara PHW	PHW	2026 (Berterusan)
		5	Penyelia secara berkala membuat perbandingan laporan rondaan dengan imej setelit terkini	PED PHW	2026 (Berterusan)
2.2	Pegawai Penguatkuasa meminta dan menerima rasuah untuk tidak mengambil tindakan terhadap kesalahan/ pelanggaran peraturan dan undang-undang hutan atau melonggarkan tindakan penguatkuasaan terhadap pesalah hutan	6	Pemantapan SOP Penguatkuasaan	PED	2026 -2030 (5 tahun)
		7	Taklimat berkenaan ordinan dan peraturan hutan kepada pegawai penguatkuasa	PED	2026 (Berterusan)
		8	Mewujudkan pusat khas penyimpanan barang rampasan yang penuh dengan ciri-ciri keselamatan	PED	2026 -2028 (5 tahun)
		9	Memastikan semua pegawai penguatkuasa membuat pengistihraan harta tiga (3) kali setahun mengikut pekeliling semasa	MSD	2026 -2028 (5 tahun)

	Risiko	No.	Substrategi	Peneraju	Tempoh
2.3	Risiko kebocoran data merangkumi pendedahan maklumat tanpa kebenaran serta penyalahgunaan akses oleh pegawai untuk kepentingan peribadi, manipulasi keputusan atau penggunaan bagi tujuan yang tidak sah	10	Semua akses, muat turun dan pindaan data direkod secara automatik.	FTG	2026 (berterusan)
		11	Semakan log akses dilakukan secara berkala oleh Unit ICT	FTG	2026 (berterusan)
		12	Amaran automatik jika berlaku akses luar biasa (contoh: muat turun besar - besaran)	FTG	2026 (berterusan)

STRATEGI 3 : KEWANGAN DAN PEROLEHAN

Objektif Strategik:

**Proses Kewangan dan
Perolehan Berakuntability,
Telus, Mengikut Undang-Undang,
Peraturan, Pekeliling dan SOP**



Pelaksanaan Bengkel Pemerkasaan Terma Rujukan Perolehan Jabatan Hutan Sarawak beserta Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Pegawai Projek Tahun 2024 pada 16 dan 17 Mei 2024 bertempat di Hilton Hotel, Kuching.

	Risiko	No.	Substrategi	Peneraju	Tempoh
3.1	Pegawai mengemukakan tuntutan palsu: i. T&T ii. Perbatuan (<i>millage</i>) dll Mengemukakan resit penginapan/ makan yang tidak sah atau tidak berkaitan tugas, mengisytiharkan jarak perjalanan melebihi jarak sebenar dan menuntut elaun tanpa kelayakan atau bertindih	1	Semakan dokumen sokongan lengkap sebelum kelulusan	MSD (Seksyen Kewangan)	2026 (berterusan)
		2	Pengesahan penyelia sebelum bayaran	MSD (Seksyen Kewangan)	2026 (berterusan)
		3	Penggunaan sistem GPS/ log perjalanan	MSD (Seksyen Kewangan)	2026 (berterusan)
		4	Semakan silang jarak rasmi perjalanan	MSD (Seksyen Kewangan)	2026 (berterusan)
3.2	Pegawai menerima sogokan untuk membocorkan maklumat perolehan /tender/sebut harga kepada pihak luar Pegawai mendedahkan harga siling, spesifikasi teknikal atau keputusan penilaian kepada pembida tertentu sebagai balasan sogokan	5	Pengisytiharan konflik kepentingan wajib	PDD	2026 (berterusan)
		6	Akses dokumen tender secara " <i>need-to-know</i> "	PDD	2026 (berterusan)
		7	Log akses sistem & kawalan ICT	PDD	2026 (berterusan)
		8	Panel penilaian kolektif	PDD	2026 (berterusan)
		9	Akuan integriti sebelum penilaian	PDD	2026 (berterusan)

	Risiko	No.	Substrategi	Peneraju	Tempoh
3.3	Pemilihan bengkel kenderaan yang tidak telus bagi penyelenggaraan kenderaan Jabatan	10	Proses sebut harga rasmi melalui CORRIS	MSD PHW	2026 (berterusan)
		11	Pengisytiharan konflik kepentingan wajib	MSD PHW	2026 (berterusan)
		12	Perbandingan harga pasaran & semakan teknikal	MSD PHW	2026 (berterusan)
		13	Pemeriksaan teknikal oleh pegawai kedua	MSD PHW	2026 (berterusan)
3.4	Kekurangan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang jelas bagi penerimaan dana daripada agensi pemberi dana, khususnya agensi antarabangsa	14	Bangunkan SOP rasmi penerimaan dana	IAD	2026 -2028 (sederhana)
		15	Tetapkan pegawai bertanggungjawab & carta alir proses	IAD	2026 -2028 (sederhana)
		16	Sistem pelaporan berkala & audit bebas dan penyimpanan dokumen berpusat & kawalan akses	IAD	2026 -2028) (sederhana)

STRATEGI 4 : SUMBER MANUSIA

Objektif Strategik:

**Memperkukuh Kompetensi dan
Kecekapan Sumber Manusia**



Penganjuran Hari Integriti Jabatan Hutan Sarawak tahun 2025 bertempat di Promenade Hotel, Bintulu pada 3 Julai 2025 yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Murshid Diraja Dr. Juanda bin Jaya, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Integriti dan Ombudsman).

	Risiko	No.	Substrategi	Peneraju	Tempoh
4.1	Pengambilan rekrut FORTRAIN tidak telus Calon dipilih tanpa mengikut kriteria yang ditetapkan, calon mempunyai hubungan dengan pegawai pemilih, markah diubah bagi meluluskan calon tertentu dan tekanan daripada pihak berkepentingan	1	Borang pemarkahan standard & ditandatangani	MSD	2026 (berterusan)
		2	Panel temuduga sekurang - kurangnya terdiri daripada tiga (3) orang ahli	MSD	2026 (berterusan)
		3	Kriteria pemilihan didokumen diumumkan	MSD	2026 (berterusan)
		4	Pengisytiharan konflik kepentingan	MSD	2026 (berterusan)
		5	Pemantauan proses pengambilan oleh Seksyen Integriti	MSD IIA	2026 (berterusan)

	Risiko	No.	Substrategi	Peneraju	Tempoh
4.2	Proses pengambilan pekerja sambilan (projek) tidak telus Pemilihan dibuat tanpa hebahan atau kriteria jelas, mengambil saudara / kenalan tanpa merit, meluluskan calon yang tidak memenuhi syarat, tekanan pihak tertentu untuk melantik individu tertentu , dan tiada rekod pemarkahan / justifikasi pemilihan.	6	Iklan jawatan secara terbuka & rasmi	MSD	2026 (berterusan)
		7	Pengisytiharan konflik kepentingan	MSD	2026 (berterusan)
		8	Semakan kelayakan oleh pegawai berbeza	MSD	2026 (berterusan)
		9	Panel pemilihan sekurang-kurangnya tiga (3) pegawai	MSD	2026 (berterusan)
		10	Rekod pemarkahan standard & disim-pan untuk audit	MSD IIA	2026 (berterusan)
4.3	Pegawai didapati melanggar undang-undang, peraturan, SOP, pekeliling semasa dan engkar perintah seperti termaktup dalam State <i>General Order (GO)</i> dan Perintah-Perintah Am 1996.	11	Tindakan punitif	MSD	2026 (berterusan)

BAB 5 :
PEMANTAUAN,
PELAPORAN,
PENILAIAN &
TINDAKAN
PENAMBAHBAIKAN
BERTERUSAN

Pelaksanaan **OACS JHS 2026–2030** memerlukan mekanisme pemantauan, pelaporan dan penilaian yang sistematik bagi memastikan setiap inisiatif dilaksanakan secara berkesan, telus dan mencapai matlamat yang ditetapkan. Proses ini juga penting untuk memastikan keselarasan dengan dasar antirasuah nasional serta kehendak undang-undang di bawah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

5.1 PEMANTAUAN PELAKSANAAN

Pemantauan merupakan proses berterusan bagi memastikan semua pelan tindakan OACS dilaksanakan mengikut jadual, skop dan standard yang ditetapkan. Antara pendekatan utama ialah:

- Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan OACS di peringkat jabatan.
- Pemantauan berkala melalui mesyuarat suku tahunan.
- Penjejakan kemajuan (*progress tracking*) bagi setiap inisiatif dan indi-kator prestasi utama (KPI).
- Audit dalaman dan semakan pematuhan terhadap prosedur kerja, khususnya dalam bidang berisiko seperti perolehan, penguatkuasaan dan pelesenan.

Pemantauan yang konsisten akan membantu mengenal pasti kelemahan pelaksanaan serta membolehkan tindakan pembetulan dibuat lebih awal.

5.2 PELAPORAN PELAKSANAAN

Pelaporan merupakan elemen penting untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam pelaksanaan OACS. Mekanisme pelaporan merangkumi:

- Laporan kemajuan berkala (bulanan / suku tahunan) oleh pemilik risiko dan ketua bahagian.
- Pembentangan laporan kepada pengurusan tertinggi jabatan bagi tujuan pemantauan strategik.
- Pelaporan kepada agensi penyelarass antirasuah di peringkat negeri dan nasional.
- Pendokumentasian pencapaian, cabaran dan tindakan penam-bahbaikan.

Pelaporan yang sistematik akan membantu pengurusan membuat keputusan tepat serta memastikan semua pihak bertanggungjawab terhadap pelaksanaan inisiatif

5.3 PENILAIAN KEBERKESANAN

Penilaian bertujuan mengukur impak dan keberkesanan pelaksanaan OACS dalam tempoh 2026–2030. Antara kaedah penilaian termasuk:

- Penilaian pertengahan penggal (*mid-term review*) untuk menilai kemajuan pelaksanaan.
- Penilaian akhir pelaksanaan bagi mengukur pencapaian keseluruhan.
- Pengukuran berdasarkan KPI dan indikator risiko rasuah.
- Kajian persepsi integriti dan tahap pematuhan organisasi.

Penilaian ini akan membantu mengenal pasti kejayaan, kelemahan serta ruang penambahbaikan untuk pelan seterusnya.

5.4 TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

Hasil pemantauan dan penilaian perlu diterjemahkan kepada tindakan susulan seperti:

- Penambahbaikan prosedur kerja dan kawalan dalaman.
- Pengukuhan latihan integriti dan kesedaran antirasuah.
- Pengemaskinian pelan tindakan mengikut keperluan semasa.
- Penggunaan teknologi bagi meningkatkan ketelusan dan pengesanan risiko.

Pemantauan, pelaporan dan penilaian yang sistematik merupakan faktor kritikal dalam memastikan kejayaan OACS JHS 2026–2030. Melalui mekanisme yang tersusun, jabatan dapat memastikan pelaksanaan pelan an-tirasuah berjalan secara efektif, meningkatkan tahap integriti organisasi serta menyokong tadbir urus yang telus dan berakauntabiliti tinggi.

Di peringkat Sarawak, Jabatan membuat pelaporan secara berkala kepada Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNIONS) melalui Status Pelaksanaan Kemajuan OACS (SKP-OACS) yang dibangunkan dan pelaporan dilaksanakan secara sukuan (4 kali setahun).

Manakala Seksyen Integriti, Unit Integriti dan Audit Dalam merupakan urusetia OACS JHS bagi memastikan pelaporan dilaksanakan pada setiap mesyuarat JTK Jabatan dan JTK Kementerian.

BAB 6 : KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Strategi Antirasuah Organisasi (OACS) Jabatan Hutan Sarawak (JHS) 2026–2030 merupakan satu kerangka strategik yang komprehensif, berstruktur dan berasaskan risiko dalam memperkukuh tadbir urus, integriti serta akauntabiliti organisasi.

Pelan ini dibangunkan sebagai kesinambungan kepada OACP 2021–2025 dengan mengambil kira pencapaian terdahulu, perubahan struktur organisasi serta keperluan semasa, sekali gus memastikan pendekatan pencegahan rasuah kekal relevan, sistematik dan berkesan.

Melalui pelaksanaan empat strategi utama iaitu pengurusan hutan, penguat-kuasaan ordinan dan peraturan hutan, kewangan dan perolehan, serta sumber manusia, OACS memberi penekanan kepada pengukuhan kawalan dalaman, pengurangan peluang rasuah, peningkatan ketelusan serta pembudayaan nilai integriti dalam kalangan warga jabatan.

Pendekatan berasaskan risiko yang digunapakai membolehkan JHS mengenal pasti, menilai dan menangani risiko rasuah secara lebih menyeluruh di semua peringkat organisasi, termasuk di peringkat operasi dan lapangan. Di samping itu, integrasi teknologi, penambahbaikan SOP, serta pemantauan dan pelaporan yang sistematik menjadi pemangkin kepada keberkesanan pelaksanaan strategi ini.

Akhirnya, kejayaan OACS JHS 2026–2030 bergantung kepada komitmen berterusan pengurusan tertinggi, penglibatan aktif seluruh warga jabatan serta kerjasama pihak berkepentingan. Dengan pelaksanaan yang konsisten dan pemantauan berterusan, OACS ini diyakini mampu memperkukuh kepercayaan awam, memastikan pengurusan sumber hutan yang mampan serta mengekalkan reputasi Jabatan Hutan Sarawak sebagai organisasi berintegriti tinggi, bebas rasuah dan berdaya saing di peringkat nasional dan global.



Pemandangan pagi dan senja di Melatai-Para Forest Management Unit, Kapit.

BAB 7 : PENGHARGAAN

PENGHARGAAN KEPADA PENGURUS TERTINGGI JABATAN HUTAN SARAWAK



PENGHARGAAN KEPADA JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACS JHS 2026-2030 PENGERUSI

YBHG DATU HAJI HAMDEN BIN HAJI MOHAMMAD
Pengarah Hutan Sarawak

TIMBALAN PENGERUSI

TUAN HAJI HAPPYSUPINA BIN SAIT
Timbalan Pengarah Hutan
(Konservasi Hutan & Pembangunan)

ENCIK SEMILAN ANAK RIPOT
Timbalan Pengarah Hutan
Pengurusan Hutan

AHLI-AHLI

DATIN RUNI ANAK SYLVESTER PUNGA

ENCIK PHILLCAINE ANAK PILLA

ENCIK ZAIDI BIN MAWEK

TUAN HAJI AHMAD ASHRIN BIN MOHAMAD BOHARI

ENCIK VINCENT BIN KASIK

HAJI AZMAN BIN HAJI MOHAMAD DAAN

ENCIK MICHAEL ANAK TUPONG

ENCIK DANNY IPAN WINSTON

PUAN ASMINIE WATI

ENCIK WILLIM CHEN HOW KIT

ENCIK EARL ROSCOE

ENCIK MOHD NADZEEM BIN ABDUL WAHAB

ENCIK FERDINAND DE FRANCO YALING

PUAN SYARINI BINTI SAZALI

ENCIK DULLES LEO BALAN

PUAN DIANA DUBAU JEFFERY KOH

PUAN AFREENE CECELIA BINTI TUAH

CIK STAFANNIE NILLA

ENCIK NELSON ABANG ANAK SUJANG

ENCIK AZRUL ARIFFIN BIN UDIN

CIK GABRIELLE ANAK JITOB

ENCIK MARFAISAL BIN MARZUKI

ENCIK LIAM ANAK DIBOR

CIK SYAFIANI BINTI OSMAN

ENCIK HWANG CHIONG HEE

DR STEPHEN TEO

PUAN TRACY ANAK CHENDAN

ENCIK JEREMY AYUM JUAN

PUAN NORSYARINA BINTI WELMAN

PUAN NG SAN HUI

PUAN ZARIFAH BINTI ZAINAL ABIDIN

ENCIK MOHD AMIRUL FALIQ BIN IBRAHIM

ENCIK MOHD FIRDAUS BOHARI

PUAN NURQAMAREENA BINTI KARIM

ENCIK MUHAMAD HAZIQ BIN HASHIM

ENCIK FARID NURHAFIZ MARDI

ENCIK BIN ANAK UMAL

ENCIK NUNSONG EBAH

ENCIK CHRISTOPHER ANAK NYIDAN

ENCIK SHAHRUL IZZAT BIN AHMAD HASBIE

ENCIK ADIF ADRZRIF BIN ABDUL LATIF

PENGHARGAAN KEPADA

FASILITATOR

PUAN HAJAH MAJENAH BINTI LASS

Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)
Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan
Bandar (MUDeNR)

ENCIK ABDUL WAHAB BIN HAJI AHMAD

Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)
Jabatan Hutan Sarawak

URUSETIA

SEKSYEN INTEGRITI, UNIT INTEGRITI DAN AUDIT DALAM

CIK LINDA NIRWANA CAROLINE

Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)

CIK HELDA INNA ANAK DUWAT

ENCIK MOHAMAD SHAHRULNIZAM BIN SUHARTO

ENCIK TIMOTHY LAWAI



**Penghargaan juga kepada
semua yang terlibat secara langsung
dan tidak langsung dalam membangun
Strategi Antirasuah Organisasi (OACS) JHS 2026–2030.**

LAMPIRAN

INISIATIF YANG TIDAK DAPAT DISEMPURNAKAN SETAKAT DISEMBER 2025 : 4 INISIATIF

DIGUGURKAN

Bidang Keutamaan 1 : Pengurusan Hutan

BIL.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH	JUSTIFIKASI	STATUS
1.1.1	Membuat penambahbaikan prosedur kutipan hasil <i>DF</i> (<i>DF Circular 1/2014</i>) dan mengambil tindakan terhadap kayu yang tiada PM di PoRM/CDC.	RDMD	Jangka Panjang 2021 – 2025	Digugurkan sehingga <i>Forest Rule</i> versi baru dikeluarkan dan dikuatkuasakan.	Diteruskan pelaksanaan dalam mesyuarat jawatankuasa jabatan.

DIKEKALKAN

Bidang Keutamaan 2 : Penguatkuasaan Ordinan dan Peraturan Hutan

BIL.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH	JUSTIFIKASI	STATUS
1.2.4	Mewujudkan pusat khas penyimpanan barang rampasan yang penuh dengan ciri - ciri keselamatan.	PED	Jangka Panjang 2021 – 2025	Projek masih dalam perlaksanaan.	Dimasukkan dalam OACS bawah Strategi 2 Substrategi 8.

DISUSUN SEMULA

Bidang Keutamaan 3 : Penguatkuasaan Ordinan dan Peraturan Hutan

BIL.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH	JUSTIFIKASI	STATUS
1. 4.1	Meneruskan usaha menubuhkan pasukan penguatkuasaan khas agensi penguatkuasaan Jabatan Hutan Sarawak.	PED	Jangka Panjang 2021 - 2025	Projek disusun semula. Jabatan telah membuat pengambilan skim perkhidmatan KP (penguatkuasaan) untuk menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan.	Dimasukkan dalam OACS bawah Strategi 2 Sub - strategi 1.
1.4.2	Melengkapkan pasukan penguatkuasaan khas dengan pakaian, senjata dan peralatan perlindungan.	PED	Jangka Panjang 2021 - 2025	Semua skim KP (penguatkuasa) yang telah melapor diri telah diberi Latihan dan peralatan. Pakaian seragam kini masih dalam penilaian dan perlaksanaan.	Dimasukkan dalam OACS bawah Strategi 2 Sub - strategi 2.

Jabatan Hutan Sarawak
Aras 11-15,
Bangunan Baitul Makmur II,
Medan Raya, Petra Jaya,
93050 Kuching Sarawak

No. Tel : 082-495 111
No.Faks : 082-495 200
Emel : webmaster@forestry.gov.my
Laman sesawang : www.forestry.sarawak.gov.my